



JKM bantu Zulhanif RM200 sebulan

PEKAN: Usaha membantu kanak-kanak kenit, Mohd Zulhanif Abd Halim, 7, berhasil apabila pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) daerah meluluskan bantuan RM200 sebulan.

Sebelum ini, Yayasan Pahang (YP) turut meluluskan biasiswa pelajaran RM300 setahun kepada kanak-kanak berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebajikan Masyarakat dan Hal Ehwal Orang Asli negeri, Datuk Ishak Muhammad, berkata pihak JKM daerah meluluskan bantuan sebanyak RM200 sebulan sebagai usaha membantu keluarga kanak-kanak berkenaan.

Beliau berharap bantuan berkenaan akan digunakan untuk menyara Mohd Zulhanif seperti perbelanjaan persekolahan selain untuk membeli ubat.

Katanya, kerajaan sentiasa mengambill berat terhadap kebajikan kanak-kanak seperti Mohd Zulhanif, walaupun dia tidak mengalami kecacatan fizikal bantuan tetap diberikan.

"Tidak banyak kes seperti yang dialami Mohd Zulhanif, sebab itu kerajaan memikirkan bantuan khusus perlu diberikan dalam usaha meringankan beban keluarga," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan bantuan pertama JKM sebanyak RM200 kepada Mohd Zulhanif

di Kampung Baru, Sungai Miang, dekat sini, semalam. Turut hadir pegawai JKM daerah, Mohd Zulkifli Mahmud.

Berita Harian sebelum ini menyiarkan kisah Mohd Zulhanif yang mempunyai ketinggian 75 sentimeter dan hanya seberat tujuh kilogram.

Bagaimanapun, saiznya yang kecil itu tidak membataskan kanak-kanak berkenaan aktif sama seperti rakan sebaya yang lain.

Pihak Universiti Malaysia Pahang (UMP) sebelum ini turut menyumbangkan kerusi boleh laras bagi kemudahan kanak-kanak berkenaan belajar dalam kelas.

Mohd Zulhanif pelajar Tahun Satu di Sekolah Kebangsaan (SK) Sinar Mutiara, Sungai Miang, dekat sini, turut mendapat perhatian pihak sekolah yang sentiasa mengawasinya bagi mengelak sebarang kejadian tidak diingini.



“Saya berharap ibu bapa yang mempunyai anak bersaiz kecil mendaftar dengan JKM dalam usaha kerajaan menyalurkan bantuan yang sesuai”

Ishak Muhammad

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebajikan Masyarakat dan Hal Ehwal Orang Asli Pahang

REZEKI: Ishak mendukung Zulhanif selepas menyampaikan bantuan bulanan JKM sebanyak RM200 sebulan.